

***JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
LWN SRI KAMUSAN SDN. BHD. [2014] 9 CLJ 825***

*Kamal Halili Hassan*  
kamalhalili60@gmail.com

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terlebih dahulu nama pihak dalam kes ini yang silap dilaporkan dalam *Current Law Journal* perlu dibetulkan. Nama perayu dalam kes ini telah ditulis sebagai Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja sedangkan namanya yang betul ialah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP). Nama jabatan (perayu) yang betul akan digunakan dalam ulasan ini. Kes *Sri Kamusan* ini menarik kerana merupakan kes pertama yang didengar dan diputuskan oleh mahkamah tinggi di bawah seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (AKKP) yang dilaporkan dalam jurnal perundangan di Malaysia. Malahan, hakim dalam kes ini menyatakan bahawa beliau tidak menjumpai sebarang keputusan kes tempatan yang diputuskan di bawah seksyen ini sebelumnya dan terpaksa merujuk kes negara lain seperti England, Australia dan New Zealand dalam penghakimannya. Oleh itu, kes *Sri Kamusan* menjadi kes pertama yang diputuskan oleh mahkamah tinggi bagi menghuraikan seksyen yang sangat penting kepada JKKP, industri dan majikan.

Sudah tentu keputusan kes ini akan dapat membantu mahkamah dan peguam untuk mentafsir seksyen 15 AKKP, serta boleh menjadi panduan berguna kepada pihak yang terlibat seperti JKKP dan majikan. Tahniah diucapkan kepada JKKP yang membuat rayuan ke mahkamah tinggi kerana keputusan rayuan di mahkamah tinggi lazimnya dilaporkan dalam jurnal perundangan yang membolehkan pengamal dan pelajar kursus keselamatan industri menghayati dan memahami seksyen 15 AKKP. Sebelum ini, banyak pendakwaan yang dibuat oleh JKKP di bawah seksyen 15(1)AKKP berakhir dengan pihak tertuduh mengaku salah dan membayar denda atau jika mahkamah majistret atau mahkamah seksyen membuat keputusan, kes tersebut tidak dirayu ke mahkamah tinggi. Akibatnya, selagi mahkamah tinggi tidak mendengar rayuan dan membuat keputusan, maka selagi itu pengamal undang-undang tidak berpeluang untuk membaca pentafsiran kehakiman berhubung dengan seksyen 15(1) AKKP yang menjadi inti pati

kepada akta ini. Akhirnya, kes *Sri Kamusan* menjadi kes pertama yang membuka ruang pentafsiran seksyen tersebut.

## FAKTA KES

Fakta kes ini melibatkan kemalangan yang membawa kematian kepada seorang pekerja di sebuah ladang kelapa sawit di Sabah. Tertuduh (perayu), iaitu Sri Kamusan telah didakwa di bawah seksyen 15(1) AKKP. Seksyen ini memberikan tanggungjawab kepada majikan untuk memastikan setakat yang praktik, tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerjaanya semasa bekerja. Seksyen 15(2) seterusnya memperincikan tanggungjawab utama dalam perkara yang disebutkan daripada perenggan (a) ke (e), termasuk mengadakan dan menyelenggarakan loji dan sistem kerja, serta membuat pengiraan berhubung dengan pengangkutan loji dan bahan. Dalam kes ini, seorang pekerja (si mati) telah menaiki traktor (trailer yang disambungkan ke traktor tersebut). Semasa kejadian, si mati duduk di atas penghadang tayar. Dia telah terjatuh semasa traktor tersebut lalu di satu selekoh tajam. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mendakwa Sri Kamusan di bawah seksyen 15(1) AKKP di mahkamah seksyen dan mahkamah tersebut telah membebaskan Sri Kamusan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan membuat rayuan terhadap keputusan tersebut di mahkamah tinggi.

Dua persoalan yang menjadi asas rayuan di mahkamah tinggi ialah: (i) Perayu telah membuktikan “melampaui keraguan yang munasabah” yang responden telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 15(1) AKKP dan (ii) Responden “atas imbalan kebarangkalian” telah menyangkal kewajibannya untuk mengambil langkah yang praktik bagi mencegah kemalangan tersebut daripada berlaku. Bagi menjawab soalan pertama sama ada responden melakukan kesalahan di bawah seksyen 15(1) AKKP atau tidak, satu elemen penting yang mesti dibuktikan ialah pekerja responden mestilah “sedang bekerja” (*at work*) ketika kemalangan tersebut berlaku. Dalam hal ini, mahkamah tinggi telah bersetuju dengan mahkamah seksyen bahawa waktu bekerja boleh menjadi penentu sama ada pekerja (si mati) berkenaan sedang bekerja atau tidak. Waktu bekerja adalah pada pukul 6.00 pagi hingga 2.00 petang dan kemalangan tersebut berlaku pada pukul 5.00 petang. Dibuktikan bahawa selepas pukul 2.00 petang pekerja sememangnya tidak bekerja, iaitu mereka telah pun dilepaskan daripada tanggungjawab bekerja. Pekerja juga tidak melakukan kerja lebih masa secara rasmi. Oleh itu, pekerja tersebut tidak disifatkan sedang melakukan kerja sebagai “sebahagian daripada pengusahaan majikan”. Harus diingatkan bahawa ayat

“sebahagian daripada pengusahaan” tidak wujud dalam seksyen 15 AKKP; yang ada hanyalah perkataan “sedang bekerja”. Namun, jika merujuk satu kes di England, mahkamah di sana merumuskan bahawa maksudnya sama. Mahkamah rayuan dalam kes *Sri Kamusan* bersetuju yang perayu telah gagal membuktikan “melampaui keraguan yang munasabah” bahawa pekerja tersebut “sedang bekerja” ketika kemalangan tersebut berlaku.

Sungguhpun mahkamah tinggi telah memutuskan yang si mati tidak bekerja semasa kemalangan tersebut berlaku, namun mahkamah tetap menilai sama ada kenderaan yang dinaiki si mati selamat dan munasabah atau tidak berada dalam ladang tersebut. Penilaian mahkamah ini bolehlah dianggap sebagai pemutus (*arbiter*) sahaja, iaitu sekadar pandangan mahkamah kerana *ratio decidendi* kes adalah berdasarkan persoalan utama yang telah dijawab, iaitu si mati bukan “sedang bekerja” semasa kemalangan tersebut berlaku. Kenderaan tersebut ialah sebuah traktor yang disambungkan dengan sebuah trailer. Pekerja duduk di atas lantai trailer tersebut. Persoalannya adakah kenderaan tersebut selamat digunakan oleh pekerja? Untuk menjawab persoalan ini, mahkamah telah merujuk seksyen 15 “Code of Practice on Safety and Health Agriculture Issued by the International Labour Organisation COPSHA-ILO”. Harus diingatkan bahawa Code tersebut bukanlah instrumen perundangan Malaysia yang mengikat pihak di Malaysia secara langsung tetapi dalam kes ini mahkamah telah membuat pengiktirafan kehakiman (*judicial notice*) yang bererti dokumen tersebut boleh diambil kira jika tiada dokumen seumpama itu di Malaysia. Namun, mahkamah lebih menekankan kegagalan JKPP untuk mengemukakan notis di bawah seksyen 48 AKKP sama ada notis pembaikan atau notis larangan berhubung dengan penggunaan traktor tersebut. Mahkamah merumuskan bahawa kegagalan JKPP mengeluarkan notis berkenaan kepada Sri Kamusan menunjukkan bahawa JKPP telah gagal membuktikan kesnya “melampaui keraguan yang munasabah” bahawa traktor tersebut berbahaya untuk digunakan.

Selanjutnya ialah persoalan seksyen 60 AKKP, iaitu isu beban pembuktian berhubung dengan darjah praktiknya tanggungjawab yang dipikul oleh tertuduh atau majikan dalam membuktikan langkah keselamatan yang telah diambil. Mahkamah dalam kes ini menyatakan seksyen 60 tidak memindahkan beban pembuktian daripada pendakwa kepada tertuduh (majikan). Beban pembuktian dalam kes jenayah, iaitu “melampaui keraguan yang munasabah” sentiasa terletak pada bahu pendakwa. Cuma mahkamah dalam kes ini tidak pula menjelaskan situasi yang membolehkan seksyen 60 ini digunakan, di samping beban pembuktian pendakwa tersebut. Persoalannya bagaimanakah seksyen 60 tersebut beroperasi atau digunakan?

Menurut seksyen 60, tanggungjawab tersebut perlu dipikul oleh tertuduh. Pendakwa perlu membuktikan langkah keselamatan (dalam darjah yang praktikal) yang perlu dilakukan oleh majikan atau terus memohon kepada mahkamah supaya majikan membuktikannya berdasarkan seksyen 60. Kedudukan penting ini wajar dijelaskan oleh mahkamah.

## **KEPUTUSAN KES**

Mahkamah telah merujuk definisi boleh dipraktikkan (*practicable*) dalam seksyen 3 AKKP dan memutuskan bahawa tertuduh telah mengambil langkah yang praktik untuk menjaga keselamatan pekerja seperti memberikan penerangan keselamatan kepada pekerja, meletakkan papan tanda amaran keselamatan dan mengarahkan pekerja untuk duduk di atas lantai traktor ketika traktor bergerak. Dalam hal ini, mahkamah menyatakan majikan telah mengambil langkah yang praktik.

Perkara penting dalam perbicaraan seumpama ini ialah peranan keterangan pakar. Oleh sebab kemalangan yang berlaku adakalanya melibatkan isu teknikal dan kejuruteraan, maka keterangan pakar diperlukan bagi membantu mahkamah. Oleh itu, pihak pendakwa perlu membawa pakar yang khusus dalam sesuatu bidang teknikal bagi memberikan keterangan kepada mahkamah. Misalnya seorang jurutera forensik yang tidak khusus dalam bidang automotif tidak dikategorikan sebagai saksi yang pakar, jika kemalangan tersebut melibatkan kenderaan. Dalam kes ini, keterangan pakar yang digunakan oleh pendakwa telah ditolak oleh mahkamah.

Kesimpulannya, kes ini merupakan kes pertama yang mempunyai keputusan mahkamah yang lengkap yang diputuskan di bawah seksyen 15 AKKP dan dilaporkan oleh jurnal perundangan. Laporan tersebut dapat membantu pihak perundangan untuk mentafsir seksyen penting ini. Harus diingatkan bahawa hanya keputusan mahkamah tinggi, mahkamah rayuan dan mahkamah persekutuan yang lazimnya dilaporkan oleh jurnal perundangan menjadi rujukan pengamal dan pelajar undang-undang. Kes di bawah AKKP selalunya didakwa di mahkamah majistret atau mahkamah seksyen. Kes *Sri Kamusan* ini akan dapat membantu industri, umumnya, serta pihak pendakwa, JKPP, pengamal dan pelajar, khususnya untuk memahami seksyen ini.